



PruBSN Sinar

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

**Memberi Sinar Harapan Dalam
Mengharungi Cabaran Kehidupan**



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi PruBSN atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad
200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

SINAR HARAPAN UNTUK SEGALA KEPERLUAN ANDA

Langit tidak selalu cerah, hidup tidak selalu indah. Apabila peristiwa yang tidak dijangka berlaku, anda mungkin akan mengalami cabaran dari segi kewangan dan emosi. Dengan **PruBSN Sinar**, anda tidak perlu risau lagi.

PruBSN Sinar memberikan anda ketenangan fikiran dan keselamatan kewangan. Anda akan dilindungi dengan penyelesaian yang direka khas untuk memenuhi keperluan perlindungan anda seperti di bawah:

- **Kematian dan Hilang Upaya**
- **Perlindungan Penyakit Kritis Komprehensif/Penggantian Pendapatan**
- **Caj Perubatan dan Kemasukan ke Hospital**
- **Perlindungan Kemalangan**
- **Simpanan/Pelaburan**
- **Serta banyak lagi...**



PruBSN Sinar adalah pakej perlindungan yang menyediakan perlindungan menyeluruh berdasarkan PruBSN AnugerahPlus sebagai pelan asas dan disertakan dengan pelbagai manfaat tambahan atau rider untuk memenuhi keperluan perlindungan anda dengan berkesan.

PruBSN AnugerahPlus adalah pelan takaful sumbangan berkala yang membayar jumlah sekaligus* apabila berlaku kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD). Selain itu, **PruBSN AnugerahPlus** adalah fleksibel dan boleh diubah suai kerana ia didatangkan dengan pelbagai pilihan tempoh perlindungan dan manfaat tambahan atau rider dalam memenuhi keperluan dan kemampuan anda.

Berikut ialah gambaran keseluruhan pakej penyelesaian **PruBSN Sinar** yang disyorkan:



PruBSN Sinar

PruBSN AnugerahPlus

Pelan Asas yang menyediakan manfaat sekaligus* sekiranya berlaku Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) sebelum ulang tahun sijil pada umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, atau berlaku kematian dalam tempoh sijil.

Pilihan Manfaat Tambahan atau Rider:



CRISIS TOTALCARE



Menyediakan perlindungan penyakit kritikal menyeluruh dari Tahap Awal hingga Tahap Akhir dan tambahan keadaan istimewa yang lain, melindungi sejumlah 166 keadaan.

MEDIC PROTECTOR



Menyediakan perlindungan perubatan tanpa had seumur hidup sekiranya berlaku kemasukan ke hospital dan pembedahan atau menerima rawatan pesakit luar yang terpilih.

ACCIDENTAL PROTECTOR PLUS



Menyediakan manfaat sekaligus sehingga RM4 juta setiap hayat sekiranya berlaku kematian atau TPD, serta hilang upaya akibat kemalangan.

ACCIDENTAL MEDICAL PROTECTOR



Menyediakan pembayaran balik untuk perbelanjaan perubatan anda, kemasukan ke hospital atau perkhidmatan jururawat akibat kemalangan.

CONTRIBUTOR PROTECT

Membayar sumbangan perlindungan berkala sepanjang baki tempoh manfaat apabila orang yang dilindungi mengalami TPD sebelum ulang tahun sijil pada umur 70 tahun pada hari jadi akan datang atau apabila didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi.

*Nota:

Sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi, PruBSN AnugerahPlus membayar yang mana lebih tinggi, Jumlah Perlindungan Asas atau amaan dalam Akaun Khas Individu (ISA) ditambah nilai unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA), jika ada. Sekiranya berlaku TPD sebelum berumur 70 tahun pada hari jadi akan datang, Jumlah Berisiko (perbezaan antara Jumlah Perlindungan Asas dan jumlah ISA) akan dibayar.

CRISIS TOTALCARE adalah manfaat tambahan / rider penyakit kritikal komprehensif yang menyediakan perlindungan dari penyakit kritikal tahap awal hingga tahap akhir. Di samping itu, Crisis TotalCare melindungi keadaan istimewa seperti kesihatan mental, keadaan berkaitan diabetik dan keadaan berkaitan sendi. Ia juga disertakan dengan Manfaat Rawatan Komplementari untuk membantu anda sepanjang perjalanan pemulihan anda.

SEKILAS MANFAAT



Melindungi 166 Keadaan

Membayar manfaat sekaligus apabila didiagnosis dengan 101 keadaan Penyakit Kritikal Awal, 53 keadaan Penyakit Kritikal Tahap Akhir dan 12 Keadaan Istimewa yang dilindungi.



Perlindungan Penyakit Kritikal Menyeluruh

Melindungi keadaan penyakit kritikal dari Tahap Awal hingga Tahap Pertengahan dan Tahap Akhir. Membayar 50% daripada jumlah perlindungan rider apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Awal yang terdiri daripada Tahap Awal dan Tahap Pertengahan dan membayar 100% daripada jumlah perlindungan rider apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Tahap Akhir.



Perlindungan Kesihatan Mental

Dapatkan bantuan yang anda perlukan untuk menjaga kesihatan mental anda dengan manfaat sekaligus jika anda mengalami keadaan mental yang dilindungi, untuk orang dewasa dan kanak-kanak.



Perlindungan Keadaan Berkaitan Diabetik dan Sendi

Rider ini membayar manfaat sekaligus jika anda mengalami komplikasi diabetik yang teruk atau keadaan berkaitan sendi.



Manfaat Rawatan Komplementari

Membayar balik caj rawatan dan perubatan apabila anda mendapatkan rawatan tradisional atau komplementari apabila didiagnosis menghidap penyakit kritikal.



Manfaat Khairat apabila Kematian Pasangan atau Anak

Bayaran sekaligus sehingga RM5,000 apabila berlaku kematian pasangan atau anak.

JADUAL MANFAAT

Manfaat	Penerangan	Jumlah Perlindungan yang Dibayar
Manfaat Penyakit Kritikal Menyeluruh	Penyakit Kritikal Awal (termasuk Penyakit Kritikal Tahap Awal dan Penyakit Kritikal Tahap Pertengahan)	<ul style="list-style-type: none"> • 50% daripada Jumlah Perlindungan Rider (RSC) • Boleh dituntut sekali
	Penyakit Kritikal Tahap Akhir	<ul style="list-style-type: none"> • 100% daripada RSC (bayaran manfaat akan ditolak dengan tuntutan terdahulu di bawah Penyakit Kritikal Awal atau Angioplasti) • Angioplasty: 10% daripada RSC atau RM25,000, yang mana lebih rendah
<p><i>Nota: Pembayaran maksimum di bawah Manfaat Penyakit Kritikal Menyeluruh adalah 100% daripada RSC, dan rider akan ditamatkan apabila 100% daripada RSC dibayar di bawah manfaat ini.</i></p>		
Manfaat Keadaan Istimewa	Keadaan Berkaitan Diabetik <ul style="list-style-type: none"> a) Pembedahan Untuk Diabetik Retinopati Jenis 2 b) Amputasi Anggota Badan Disebabkan Oleh Komplikasi Diabetik Jenis 2 c) Nefropati Diabetik Mengakibatkan Kegagalan Buah Pinggang Keadaan Berkaitan Sendi <ul style="list-style-type: none"> a) Penggantian Lutut Menyeluruh b) Penggantian Sendi Pinggul Menyeluruh c) Artritis Reumatoïd Kronik Keadaan Kesihatan Mental* <ul style="list-style-type: none"> a) Gangguan Depresi yang Teruk b) Skizofrenia c) Gangguan Bipolar d) Gangguan Obsesif Kompulsif yang Teruk ("OCD") e) Sindrom Tourette – untuk Kanak-kanak sahaja f) Gangguan Spektrum Autisme yang Teruk (ASD) – untuk Kanak-kanak sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> • 10% daripada RSC • Bayaran manfaat tidak akan mengurangkan RSC • Boleh dituntut sekali

*Perlindungan untuk Keadaan Kesihatan Mental adalah sehingga umur 80 tahun pada tarikh lahir akan datang kecuali untuk (e) dan (f) adalah sehingga umur 18 tahun pada hari jadi akan datang

Manfaat	Penerangan	Jumlah Perlindungan yang Dibayar
Manfaat Rawatan Komplementari	<p>Rawatan perubatan tradisional dan komplementari apabila didiagnosis dengan penyakit kritikal (tanpa mengira manapun tahap):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Awal: Membayar balik caj rawatan dan ubat untuk perubatan tradisional dan komplementari yang dilindungi sehingga had manfaat ini • Apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Tahap Akhir: Membayar manfaat ini sekaligus jika orang yang dilindungi tidak menggunakan sepenuhnya had manfaat di bawah pembayaran balik 	<ul style="list-style-type: none"> • 5% daripada RSC, dihadkan pada RM1,500 yang mana lebih rendah • Bayaran manfaat tidak akan mengurangkan RSC
Manfaat Penjagaan Keluarga	<p>Manfaat <i>Khairat</i> apabila berlaku kematian pasangan atau anak orang yang dilindungi (sebelum umur 25 tahun).</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 1% daripada RSC, dihadkan pada RM5,000 setiap hayat • Bayaran manfaat tidak akan mengurangkan RSC • Boleh dituntut sekali

Nota:

- Semua manfaat di atas perlu dibayar tertakluk kepada pengecualian, tempoh menunggu dan terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil.
- Tempoh Menunggu akan bermula:
 - 60 hari bagi Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dan Kanser;
 - 60 hari bagi perlindungan bagi semua Penyakit Kritikal Awal yang dilindungi, semua Keadaan Berkaitan Diabetik yang dilindungi, Keadaan Berkaitan Sendi dan Keadaan Kesihatan Mental;
 - 30 hari bagi perlindungan bagi semua penyakit lain;
 - 6 bulan bagi perlindungan berkenaan Manfaat Penjagaan Keluarga, kecuali akibat Kemalangan; selepas tarikh permulaan rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider.
- Syarat Tempoh Hidup: Manfaat Penyakit Kritikal Menyeluruh dan Manfaat Keadaan Istimewa akan dibayar jika orang yang dilindungi hidup sekurang-kurangnya 7 hari selepas didiagnosis Penyakit Kritikal Awal, Penyakit Kritikal Tahap Akhir dan keadaan di bawah Manfaat Keadaan Istimewa.
- Perlindungan Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh tertakluk kepada maksimum RM1,000,000 setiap hayat.
- Amaun yang akan dibayar di bawah Penyakit Kritikal Awal (termasuk Tahap Awal dan Tahap Pertengahan) adalah terhad kepada RM200,000 seumur hidup.
- Amaun yang perlu dibayar di bawah Manfaat Keadaan Istimewa adalah terhad kepada RM100,000 seumur hidup.




BAGAIMANA CRISIS TOTALCARE BERFUNGSI?

Ilustrasi Manfaat:

Ali, 30 tahun, tidak merokok, menyertai PruBSN Sinar dengan Jumlah Perlindungan Asas (BSC) sebanyak RM50,000 yang tamat tempoh pada umur 70 tahun dan tambahan Crisis TotalCare dengan Jumlah Perlindungan Rider (RSC) sebanyak RM50,000.

Pada umur
38
tahun



Ali didiagnosis dengan Penyakit Arteri Koronari Sederhana yang merupakan salah satu keadaan yang dilindungi di bawah perlindungan Penyakit Kritisik Awal.

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM25,000** (50% daripada RSC) di bawah perlindungan Penyakit Kritisik Awal dalam Manfaat Penyakit Kritisik Menyeluruh.

Pada umur
46
tahun



Ali didiagnosis dengan Artritis Reumatoik Kronik yang merupakan keadaan dilindungi di bawah Manfaat Keadaan Istimewa.

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM5,000** (10% daripada RSC) di bawah Keadaan Berkaitan Sendi dalam Manfaat Keadaan Istimewa.

Pada umur
57
tahun



Malangnya, isteri Ali meninggal dunia.

Beliau menerima **RM500** (1% daripada RSC) di bawah Manfaat Penjagaan Keluarga.

Pada umur
60
tahun



Ali mengalami Serangan Jantung yang dilindungi di bawah perlindungan Penyakit Kritisik Tahap Akhir.

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM25,000** (baki Manfaat Penyakit Kritisik Menyeluruh), dan **RM1,500** (bayaran sekaligus di bawah Manfaat Rawatan Komplementari). Rider Crisis TotalCare akan ditamatkan setelah habis dituntut. Tetapi, Pelan Asas dan rider-rider lain yang dilampirkan akan terus berkuat kuasa.

Jumlah tuntutan yang diterima Ali di bawah Crisis TotalCare ialah **RM57,000** untuk Manfaat Penyakit Kritisik Menyeluruh, Manfaat Keadaan Istimewa, Manfaat Penjagaan Keluarga dan Manfaat Rawatan Komplementari.

Rider Crisis TotalCare akan ditamatkan sebaik sahaja 100% daripada Jumlah Perlindungan Rider di bawah Manfaat Penyakit Kritisik Menyeluruh telah dibayar.

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Semua manfaat adalah tertakluk pada tempoh menunggu dan tempoh hidup. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk terma dan syarat yang terperinci.

LENGKAPKAN PERLINDUNGAN ANDA

Anda juga boleh pilih untuk melengkapkan perlindungan anda dengan pelbagai manfaat tambahan yang tersedia:

Penyakit Kritis	Dapatkan ketenangan minda yang menyeluruh apabila anda memiliki perlindungan penyakit kritis komprehensif daripada Tahap Awal hingga Tahap Akhir serta keadaan istimewa tambahan lain dengan sejumlah 166 keadaan yang dilindungi: <ul style="list-style-type: none">• Crisis TotalCare Tenangkan fikiran anda dan fokus kepada pemulihan apabila anda menerima satu jumlah sekaligus setelah anda didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 43 penyakit kritis sekiranya anda memiliki: <ul style="list-style-type: none">• Crisis Protector• Crisis Shield Anda akan menerima satu jumlah sekaligus setelah anda didiagnosis menghidap Kanser peringkat awal dan Kanser sekiranya anda memiliki: <ul style="list-style-type: none">• Cancer Protector
Perubatan	Dapatkan perlindungan menyeluruh dengan pakej perubatan moden yang merangkumi perubatan teknologi maju dan rawatan kesihatan mental apabila anda memiliki: <ul style="list-style-type: none">• Medic TotalCare Tingkatkan perlindungan perubatan anda dengan melampirkan rider Medic BoostCare untuk menikmati faedah tambahan dan dapatkan ganjaran apabila kekal sihat dengan Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan**. <small>**Hanya terpakai untuk Pelan 300 dan Pelan 400.</small>
Kemalangan	Dapatkan perlindungan perubatan penting yang menyediakan perlindungan perubatan dan rawatan yang mampu miliki untuk melindungi diri anda daripada penyakit yang tidak diduga apabila anda memiliki: <ul style="list-style-type: none">• Medic Protector Anda juga boleh meningkatkan perlindungan perubatan dengan Medic Booster untuk menghadapi peningkatan kos perubatan.
Pendapatan	Dapatkan perlindungan kematian dan TPD akibat kemalangan: <ul style="list-style-type: none">• Accidental Protector Plus - menyediakan manfaat sekaligus• Accidental Medical Protector - menyediakan pembayaran balik kos perubatan
Legasi	Terima jumlah perlindungan tahunan (pendapatan) setelah anda didiagnosis menghidap penyakit kritis atau TPD sekiranya anda berumur di dalam lingkungan 70 tahun dan ke bawah sekiranya anda memiliki: <ul style="list-style-type: none">• Income Protector Anda akan menerima bayaran pada tarikh ulang tahun tuntutan sehingga umur tamat tempoh atau kematian, yang mana lebih awal.
Simpanan	Memastikan anak anda terpelihara sekiranya berlaku perkara yang tidak diduga kepada anda sekiranya anda memiliki: <ul style="list-style-type: none">• Parent Term Pupuk amalan menyimpan secara tetap apabila anda mempunyai Takaful Saver yang dapat memberikan anda potensi pulangan dan peningkatan nilai tunai. Sumbangan anda akan dilaburkan ke dalam dana-dana berkaitan pelaburan patuh Syariah yang anda pilih. Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, anda boleh rujuk di www.prubsn.com.my .

Sumbangan	<p>Akan membantu anda membayar sumbangan anda sekiranya berlaku kematian (jika berkaitan), TPD atau penyakit kritis kepada anda atau ahli keluarga yang dilindungi sekiranya anda memiliki:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contributor Protect • Contributor Saver • Contributor Parent Protect • Contributor Parent Saver • Contributor Spouse Protect • Contributor Spouse Saver <p>Jika lebih dari satu manfaat Contributor berlaku pada masa yang sama, Dana 'Tabarru' bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, malah satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi manfaat Contributor yang terlibat akan diperuntukkan sebanyak 100% ke dalam akaun IUA sijil, yang memberikan lebih banyak dana untuk anda.</p>
Derma melalui Ihsan	<p>Membolehkan anda membantu golongan yang memerlukan melalui inisiatif PruBSN Microtakaful Jariyah kami apabila anda menambahkan Ihsan di dalam pelan anda. PruBSN Microtakaful Jariyah adalah salah satu inisiatif PruBSN yang menyediakan perlindungan takaful kepada keluarga miskin dan miskin tegar yang layak.</p>

CIRI-CIRI PRODUK

Manfaat Kematian	<p>Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh perlindungan, kami akan membayar mana-mana yang lebih tinggi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Perlindungan Asas; atau • Jumlah amaun dalam Akaun Khas Individu (ISA); ditambah nilai unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) jika ada.
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)	<p>Sekiranya berlaku TPD, kami akan membayar pada Jumlah Risiko.</p> <p><i>Nota: Jumlah Risiko adalah amaun di mana jumlah perlindungan asas melebihi baki ISA anda Sekiranya tiada lebihan daripada jumlah perlindungan yang melebihi baki ISA anda, jumlah risiko adalah sifar. Perlindungan TPD adalah sehingga umur 70 tahun pada hari jadi akan datang.</i></p>
Bonus EduAchieve	<p>Satu bonus tunai yang akan dibayar di atas kecemerlangan akademik sekiranya orang yang dilindungi menyertai pelan dari umur 1 hingga 18 tahun. Kami akan memberi Bonus EduAchieve sebagai Hibah (hadiyah) yang akan dibayar dari dana pemegang saham.</p> <p><i>Nota: Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai ciri ini.</i></p>
Umur Kemasukan	<p>1 hingga 70 tahun pada hari jadi akan datang.</p> <p><i>Nota: Untuk umur tamat tempoh pada 70 tahun, umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun pada hari jadi akan datang.</i></p>
Tempoh Manfaat	<p>Pilih untuk dilindungi selama 5, 10, 20 tahun atau sehingga berumur 70, 80, 90 atau 100 tahun.</p> <p><i>Jumlah Perlindungan Minimum ialah RM10,000 Jumlah Perlindungan Maksimum adalah tertakluk pada pengunderaitan</i></p>
Sumbangan	<p>Sumbangan adalah bergantung pada pilihan jumlah perlindungan asas, tempoh manfaat dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan). Kadar sumbangan akan berbeza mengikut umur kemasukan, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, umur tamat tempoh dan keadaan kesihatan.</p>

CAJ-CAJ DAN POTONGAN

Caj Wakalah Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan pada tempoh sumbangan selama 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	>11
PruBSN AnugerahPlus & Rider*	75%	60%	40%	35%	20%	20%	10%	10%	10%	10	0%
Takaful Saver							5%				

*Caj Wakalah Pendahuluan ini adalah tidak tertakluk pada Medic TotalCare, Medic Protector, Ihsan dan Takaful Saver. Untuk Caj Wakalah Pendahuluan pada Medic TotalCare dan Medic Protector, sila rujuk pada brosur PruBSN Damai (untuk Medic TotalCare) dan brosur Medic Protector.

Caj Sijil Wakalah

Caj ini meliputi kos pentadbiran sijil anda. Caj Sijil Wakalah untuk setiap kekerapan sumbangan adalah seperti berikut:

Tahunan	Setengah Tahun	Suku Tahun	Bulanan
RM60	RM30	RM15	RM5

Penolakan Tabarru`

Penolakan Tabarru` dipotong setiap bulan daripada ISA anda ke dalam Dana Tabarru` untuk perlindungan takaful anda. Penolakan Tabarru` untuk perlindungan takaful adalah berbeza mengikut umur pada hari jadi akan datang, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan, dan jumlah risiko. Penolakan Tabarru` akan meningkat secara umumnya apabila umur anda meningkat.

Penolakan Tabarru` merujuk kepada sumbangan sukarela oleh peserta mengikut aturan *Ta'awuni*. Ini berkaitan dengan bahagian sumbangan peserta dalam Dana Tabarru` semasa tempoh perlindungan. Penolakan Tabarru` daripada peserta ditempatkan dan dikumpulkan dalam dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta. Dana ini digunakan untuk membayar semua tuntutan sesuai dengan manfaat yang dipersetujui di bawah pelan berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama. Kami boleh menyemak semula penolakan Tabarru` pada bila-bila masa tertakluk pada pemberitahuan kepada peserta.

Caj-caj ini hanya tertakluk jika anda menambah Takaful Saver.

Caj Wakalah Pengurusan Aset

Caj ini dikenakan pada dasar harian daripada nilai akaun IUA anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Helaian Fakta Dana.

Caj Wakalah Penukaran Dana

Terdapat empat kali tukar ganti percuma untuk IUA setiap tahun. Untuk sebarang tukar ganti seterusnya dalam tempoh setahun, caj tukar ganti telah ditetapkan pada 1% daripada jumlah yang ditukar ganti (tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM50).

Caj Wakalah Penambahan Sumbangan Tunggal

Terdapat caj 5% ke atas setiap penambahan sumbangan tunggal. Di samping itu, terdapat juga caj tambahan sebanyak RM25 untuk setiap penambahan.

Caj Wakalah Pengeluaran Separa

RM25 akan dikenakan untuk setiap permohonan.

Nota: Caj Wakalah Pengeluaran Separa, Caj Wakalah Penukaran Dana dan caj tambahan untuk Penambahan Sumbangan Tunggal kini dikecualikan sehingga transaksi elektronik tersedia. Selepas itu, permohonan secara manual melalui cawangan akan tertakluk kepada bayaran yang dinyatakan.

NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini hanya untuk tujuan ilustrasi dan maklumatnya tidak lengkap. Ia tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan manfaat tambahannya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk, Helaian Fakta Dana, sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
2. **PruBSN Sinar** adalah pakej perlindungan yang berdasarkan pada **PruBSN AnugerahPlus**. Sila ambil perhatian bahawa pakej yang terkandung di sini terdiri daripada komponen yang boleh disertai secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilih semua komponen pakej ini.
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar jumlah sumbangan.
4. Pulangan daripada ISA dan IUA anda (jika berkaitan), jika ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ianya tidak dijamin.
5. Risiko pelaburan adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.
6. **PruBSN AnugerahPlus** adalah berdasarkan pertolongan secara bersama (*Ta’awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru’* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
7. Sebagai tambahan, konsep *Mudarabah* yang terpakai membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara PruBSN akan menerima baki sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, selaras dengan konsep *Mudarabah*, kerugian akan ditanggung oleh anda dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah urus atau kecuaian Kami.
8. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru’* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama-sama dengan peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru’*. Bahagian lebihan agihan anda akan dimasukkan semula dalam ISA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
9. Rider-rider Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan apabila berlaku kematiian (jika berkenaan), TPD atau penyakit kritikal ke atas diri anda atau ahli keluarga anda semasa tempoh bayaran sumbangan sijil dan jumlah manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya sumbangan atau caj semakan menjelaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai ISA dan IUA kekal mampan sepanjang tempoh sijil.
10. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada ia memenuhi keperluan anda. Sekiranya sijil ini dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan baki amanah dalam ISA, nilai unit IUA (jika ada) yang telah diperuntukkan kepada nilai unit pada tarikh penilaian berikutnya, sumbangan Ihsan dan sebarang Caj *Wakalah Sijil*, penolakan *Tabarru’*, dan caj *Wakalah* pendahuluan yang telah kami tolak, ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
11. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan memperoleh nilai sepenuhnya daripada jumlah yang telah dibayar kepada PruBSN. Jika anda menyerahkan sijil, kesemua manfaat di dalam sijil akan ditamatkan.

12. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun ISA dan/atau IUA anda tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain.
13. **PruBSN AnugerahPlus** tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru`* pada penamatian, tamat tempoh atau kematangan sijil.
14. Sumbangan dan kadar *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. **PruBSN** boleh menyemak semula sumbangan, kadar *Tabarru`* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari (atau 30 hari untuk manfaat perubatan dan penyakit kritis) masing-masing kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat kenaikan kadar *Tabarru`*, anda perlu membayar sumbangan tambahan atau penambahan. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.
15. Jika anda menukar pelan perubatan semasa anda dengan yang lain atau dari satu pembekal yang lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderitan baru dan tempoh menunggu untuk pelan baru.
16. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.
17. Untuk **PruBSN AnugerahPlus**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
18. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidaksesaran antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Nota: Maklumat lanjut mengenai perlindungan dan manfaat bagi manfaat tambahan boleh didapati di Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan tersebut.

PENGECUALIAN

PruBSN AnugerahPlus tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama daripada tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
 - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
 - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya.
 - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.
- v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas.
- vi. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi.
- vii. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi dari sisanya, bagi sijil atau lampiran yang diluluskan semasa orang yang dilindungi masih berada dalam kandungan.

Crisis TotalCare tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

1. Penyakit atau keadaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:
 - i. jika keadaan atau penyakit mula berlaku atau menunjukkan simptom, atau keadaan yang mana menjadikan diagnosis semakin jelas dalam Tempoh Menunggu yang berikut:
 - (a) 60 hari pertama untuk Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, mana-mana Penyakit Kritisik Awal, mana-mana Keadaan Berkaitan Diabetik, atau mana-mana Keadaan Berkaitan Sendi atau Keadaan Penyakit Mental;
 - (b) 30 hari pertama untuk semua penyakit atau keadaan lain yang dilindungi;
 - (c) 6 bulan pertama bagi perlindungan Manfaat Penjagaan Keluarga, kecuali akibat Kemalangan;
 - dari Tarikh Sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih terkini.
- ii. sebarang Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada Kami berhubung dengan status kesihatan bagi orang yang dilindungi.
- iii. kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Pengecualian untuk "Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah", "AIDS dengan Gejala Penuh", "Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan" dan sebarang keadaan lain yang dilindungi di bawah Kategori Penyakit Kritisik.
- iv. keadaan kongenital atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan kongenital yang berlaku, atau di mana orang yang dilindungi mula mengalami simptom, dalam tempoh 2 tahun pertama dari tarikh lahir orang yang dilindungi.
- v. sebarang kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras.
- vi. sebarang kecederaan atau penyakit akibat peperangan (termasuk perang saudara), penaklukan, tindakan keganasan musuh luar sama ada perang diisyiharkan atau tidak, pemberontakan atau rusuhan atau revolusi atau sebarang keadaan yang sama, kebangkitan kuasa, ketenteraan atau rampasan kuasa, atau orang yang dilindungi mengambil bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam.
- vii. penyalahgunaan atau ketagihan alkohol atau dadah.
- viii. mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan.
- ix. sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan daripada aktiviti sukan profesional, sebarang jenis perlumbaan, penyelaman skuba, aktiviti sukan udara seperti penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun, penerjunan udara dan sukan atau aktiviti berbahaya yang lain, melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas.
- x. sebarang perjalanan dalam pesawat selain daripada anak kapal atau sebagai juruterbang atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial berlesen untuk perkhidmatan penumpang dalam penerbangan berjadual melalui laluan yang ditetapkan sahaja.
- xi. caj-caj yang tidak Berpatutan dan Biasa Diamalkan, atau apa-apa pembedahan atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan (sama ada kosmetik, plastik atau sebaliknya), atau caj-caj yang melebihi Caj yang Berpatutan dan Biasa Diamalkan, melainkan Kami lindungi di bawah rider ini.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.


Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "Jaminan bersama" atau menjamin antara satu sama lain.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas pertolongan secara bersama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "***Ta`awun***" (kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru` at*** (kebajikan).

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN AnugerahPlus adalah produk yang berdasarkan Syariah.
PruBSN Sinar adalah pakej perlindungan yang berdasarkan pada PruBSN AnugerahPlus.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

No. Syarikat 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

 03 2775 7188

 customer@prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah produk ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Januari 2023.